



*Bab Empat*



## BAB IV

### SEKULARISME DALAM POLITIK MALAYSIA

#### 1.0 PENDAHULUAN

Imperialisme adalah suatu fenomena sejarah yang kerap dibicarakan. Imperialisme Barat ke atas Tanah Melayu bermula apabila Portugis berjaya menakluki Melaka pada tahun 1511. Setelah kejatuhan kuasa Portugis di Melaka, Tanah Melayu dikuasai pula oleh Belanda pada tahun 1641. Seterusnya Tanah Melayu dijajah oleh British secara rasmi pada tahun 1874 apabila termeterainya Perjanjian Pangkor.

Fenomena Imperialisme Barat khususnya penjajahan British banyak meninggalkan kesan kepada masyarakat Melayu. Perkembangan politik, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan undang-undang mengalami perubahan ketara apabila sistem pentadbiran British diperkenalkan. Aspek agama Islam menjadi bidang yang tidak penting kepada penjajah British dan mengalami tekanan dan peminggiran.

Justeru itu di dalam bab ini penulis memaparkan iklim politik di Tanah Melayu semenjak zaman sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas era penjajahan (kolonial) sebagai suatu pemerhatian bersama di samping memaparkan sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di sepanjang zaman tersebut. Sebagai penutup kepada bab ini, akan diterangkan proses sekularisasi yang telah berlaku di dalam masyarakat Malaysia.

## 2.0 SUASANA POLITIK DI TANAH MELAYU

Secara ringkas, iklim politik di Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada tiga peringkat masa; sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas penjajahan atau selepas kemerdekaan.

### 2.1 Politik Tanah Melayu Sebelum Penjajahan.

Sistem politik tradisional Melayu sebelum penjajahan adalah sistem politik yang lebih bersimpati dengan Islam berbanding dengan sistem politik Melayu Moden. Ini kerana di dalam sistem politik tradisional Melayu, Islam telah memiliki status memerintah dan bukan diperintah sebagaimana digambarkan oleh zaman kegemilangan Empayar Melayu Melaka. Pada abad ke-14M, Melaka muncul sebagai sebuah Empayar Melayu Islam yang berjaya membina sebuah tamadun sehingga berjaya menaungi beberapa buah wilayah di Sumatera Timur. Pada masa itu rajanya sangat mengambil berat tentang kemajuan ilmu pengetahuan seperti ilmu tasawwuf.<sup>1</sup>

Demikian juga kebajikan dan keselamatan rakyat diambil berat oleh pemerintah seperti Sultan Alaudin Riayat Syah yang membuat rondaan pada waktu malam bagi menghapuskan pencuri. Undang-undang Islam dilaksanakan seperti undang-undang bunuh balas (*qiyās*) dan potong tangan.<sup>2</sup>

Bagi memantapkan kedudukan politik, pemerintah mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa besar ketika itu seperti Majapahit, Siam dan China. Hubungan ini dibuat sama ada melalui perkahwinan seperti Sultan Mansur Syah

<sup>1</sup>Mustaffa Muhammad Isa, (1977), *Pervatakan Dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Greeting Distributor Sdn. Bhd., hal. 30.

<sup>2</sup>Yusuf Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, (1978), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, hal. 175.

berkahwin dengan puteri Majapahit dan dengan puteri China atau penghantaran ufti seperti yang dihantar kepada Kerajaan Siam.

Malangnya kegemilangan dan keagungan Empayar Melayu Melaka mula tergugat dengan kedatangan bangsa Eropah. Kedatangan mereka bertujuan untuk merampas kekayaan bangsa Melayu. Malahan motif utama penjajah ialah untuk menghancurkan kekuatan Islam dan mengkristiankan semua negeri di alam Melayu.<sup>3</sup> Namun mereka telah ditentang hebat oleh anak-anak tempatan yang beragama Islam.<sup>4</sup>

Jelaslah semasa zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka, perkembangan Islam begitu meluas dan peranannya amat penting sehingga ia dijadikan syarat untuk menjawat jawatan tertinggi di dalam pentadbiran. Di dalam Hukum Kanun Melaka terdapat hukum *hudud* iaitu hukuman yang berhubung dengan kesalahan zina, tuduhan zina (*qadhāf*), mencuri, murtad, minum arak dan meninggalkan sembahyang.

Bagi kesalahan zina, Hukum Kanun Melaka telah memperuntukkan bahawa jika si pelaku itu seorang yang sudah berkahwin maka dia mesti direjam sampai mati tetapi jika dia belum berkahwin, dia dihukum seratus kali sebatan. Hukuman ini diperuntukkan dalam Fasal 40:2 Hukum Kanun Melaka dan ia selaras dengan ajaran Islam.<sup>5</sup>

Malah Hukum Kanun Melaka juga mencakupi bidang-bidang penting lain seperti *mu'āmalah*, *munākahāt*, keterangan dan acara. Secara umumnya, perjalanan Hukum Kanun Melaka yang berlandaskan perundangan Islam telah membuktikan Melaka adalah sebuah pemerintahan Islam dan berjaya menjadi sebuah kuasa besar Islam yang berpengaruh dan digeruni di rantau Asia Tenggara.<sup>6</sup>

<sup>3</sup>J.M. Gullick, (1969), *Malaysia*, London: Ernest Benn Limited, hal. 41.

<sup>4</sup>Abdul Hadi Hassan, (1952), *Sejarah Alam Melayu*, Singapura: Tiger Press, hal. 102.

<sup>5</sup>Wan Abdul Rahman b. Wan Abdul Latif, dalam kertas kerja 1 beliau, "Kedurjanaan Sistem", hal. 7. Kertas kerja ini telah disampaikan di *Seminar Kedurjanaan Sekularisme* pada 19 Oktober 1997/17 Jamadil akhir 1418H, di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur.

<sup>6</sup>*Ibid*.

Demikianlah iklim politik masyarakat Melayu pada peringkat awal sebagaimana yang tergambar di dalam era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sebelum penjajahan dan kemasukan fahaman sekularisme.

## 2.2 Politik Tanah Melayu Semasa Penjajahan

Penjajahan Tanah Melayu bermula dengan kejatuhan Kota Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Kejatuhan ini menandakan berakhirnya kekuasaan orang Melayu serta kedaulatan Islam yang pernah dijadikan sebagai undang-undang tertinggi di Melaka. Penjajahan Portugis di Melaka adalah selama 130 tahun dan berakhir pada tahun 1641 apabila mereka ditewaskan oleh Belanda yang menjajah selama 183 tahun dan berakhir pada tahun 1824.<sup>7</sup>

Di bawah perjanjian Inggeris-Belanda, Belanda bersetuju berundur dari Tanah Melayu sementara Inggeris bersetuju menyerahkan Indonesia kepada Belanda. Melaka kekal di bawah Inggeris sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.<sup>8</sup>

Campurtangan pihak imperialis di dalam pentadbiran negara telah menggugat kuasa bangsa Melayu. Jadi mereka yang berjiwa Islam bangkit menentang penjajah Inggeris dan juga golongan yang bersekutu dengannya.<sup>9</sup> Pergerakan umat Islam sentiasa menerima tekanan daripada penjajah tetapi mereka yang cintakan Islam tetap meneruskan perjuangan. Para cendekiawan Melayu pula sedar tentang keperluan bangsa Melayu berpolitik demi mengembalikan kemerdekaan tanahair.

<sup>7</sup>Mohamed Suffian, Tun, (1990), *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, (terj. oleh Mohamad Jajuli Rahman), Kuala Lumpur: DBP, hal. 3.

<sup>8</sup>*Ibid*.

<sup>9</sup>Mukhtar Fitah, (1966), *Bangsa Melayu Menggugat Dunia*, Kelantan: Pustaka Aman Press, hal. 62.

Kesedaran berpolitik ini berhubung rapat dengan pergolakan politik di negara-negara umat Islam dalam usaha menentang kuasa imperialis barat. Seorang pelajar Melayu yang menuntut di Mesir, Syed Syeikh al-Hadi begitu terpengaruh dengan idea *islah* (reformasi) Muhammad Abduh, seorang tokoh *islah* terkenal di dunia Islam. Apabila pulang ke tanahair, beliau telah membawa idea *islah* ke dalam masyarakat Islam.<sup>10</sup> Perjuangan Syed Syeikh al-Hadi disesuaikan dengan perkembangan semangat nasionalisme Melayu di Malaya dan Singapura. Namun perjuangan beliau bukan semata-mata berteraskan nasionalisme<sup>11</sup> malah berteraskan kesedaran agama.

Penentangan terhadap penjajah tidak cukup dengan kekuatan senjata malah bangsa Melayu juga terpaksa berjuang melalui pena untuk memberi kesedaran kepada masyarakat supaya membenci penjajah. Oleh kerana itu dalam tahun 1906M/1324H, majalah *al-Imām* dikeluarkan. Majalah ini mengemukakan pandangan baru ke arah kesedaran politik kepada masyarakat Melayu. Pada tahun 1926M/1345H, muncul Kesatuan Melayu Singapura sebagai sebuah pertubuhan politik untuk membela bangsa Melayu. Cawangan-cawangannya terdapat di Pulau Pinang dan Melaka. Kesatuan Melayu Singapura bekerjasama dengan Kesatuan Melayu Selangor untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu.<sup>12</sup>

Pada akhir tahun 1930M/1349H, bangsa Melayu semakin agresif dalam politik. Pelbagai pertubuhan telah ditubuhkan seperti gerakan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang terpengaruh dengan Parti Nasional Indonesia (PNI). Manakala Dr. Burhanuddin, seorang pejuang Islam telah memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).<sup>13</sup>

<sup>10</sup>Musa bin Daia, (1971), *Ikhtisar Sejarah Malaysia 1400-1969M.*, Kelantan: Pustaka Aman Press, hal. 205.

<sup>11</sup>Nasionalisme menurut istilah ialah semangat yang berasaskan kepada pertalian nasab atau keturunan bangsa-bangsa tertentu yang diikat oleh satu penyatuan dan satu matlamat, satu cita-cita dan satu kebudayaan. Pertalian itu diikat oleh satu budaya, satu bahasa, sejarah, negeri, kepentingan bersama, ekonomi, politik dan adat resam. Lihat Husin Syed Abu Abbas Abu Hassan, (1973), *al-Qaumiyah al-'Arabiyah baina al-Fikr wa al-Waqi'i*, Matba'ah al-Ghāziyyah, hal. 16.

<sup>12</sup>Muhammad Yunus Hamidi, (1961), *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 5.

<sup>13</sup>Ahmad Boestaman, (1972), *Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, hal. 1.

Semasa penjajahan Jepun (1941-1945), ramai pemimpin bangsa Melayu mengundurkan diri ke Indonesia.

Semenjak penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, arena politik Melayu menyaksikan pertembungan fahaman politik yang berbeza di antara mereka yang berpendidikan Barat dengan golongan yang berpendidikan Islam dan Melayu. Golongan yang terdidik dengan sistem Barat membawa fahaman politik demokrasi Barat yang berkonsepkan agama dan politik tidak boleh bercampur aduk. Sementara golongan terpelajar dari Timur Tengah pula menyedari bahawa politik adalah sebahagian daripada Islam.<sup>14</sup> Golongan pertama mendapat restu daripada pihak penjajah sementara golongan kedua dianggap puak berhaluan kiri.<sup>15</sup>

### 2.2.1 Perjuangan Menentang *Malayan Union*.

Kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Ke-2 bagi meneruskan dasar imperialis mereka telah membawa suatu dasar pemerintahan baru yang dinamakan "Pemerintahan Tentera British" (British Military Administration).

Pada 9 Disember 1945M/1374H, Sir Harold Mac Michael<sup>16</sup> datang ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu di atas suatu kertas putih yang menyebut bahawa raja-raja Melayu perlu menyerahkan seluruh pemerintahan negeri masing-masing kepada pemerintahan Inggeris. Tujuan perjanjian itu untuk membolehkan kerajaan Inggeris mendirikan sebuah pemerintahan di Tanah Melayu yang dikenali sebagai *Malayan Union* yang berpusat di Kuala Lumpur.<sup>17</sup>

<sup>14</sup>Anwar Abdullah, (1971), *Dato' Onn*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abadi, hal. 171.

<sup>15</sup>*Ibid*.

<sup>16</sup>Beliau ialah utusan khas King George VI, Raja Inggeris.

<sup>17</sup>Abdullah Jusuh, (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 72.

Bangsa Melayu sedar bahawa *Malayan Union* adalah bencana yang menghapuskan segala hak kekuasaan Melayu ke atas tanah warisan nenek moyang mereka. Menerusi dasar ini, Inggeris membuka kerakyatan seluas-luasnya kepada semua orang asing. Justeru itu, persatuan-persatuan Melayu telah bergabung untuk membentuk satu kesatuan yang lebih padu bagi menentang *Malayan Union*. Maka lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PKMB) pada 11 Mei 1946M/1336H yang akhirnya dikenali sebagai UMNO (United Malay Nasional Organisation).<sup>18</sup>

Penyertaan bangsa Melayu secara kolektif di dalam perjuangan serta bantahan besar-besaran yang dilakukan akhirnya berjaya menghapuskan *Malayan Union*. Pada 21 Januari 1948, raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu sebagai ganti kepada *Malayan Union*. Walaupun wujud Persekutuan Tanah Melayu, tetapi hakikatnya Inggeris yang berkuasa di Tanah Melayu. Buktinya apabila berlaku pemberontakan Parti Komunis, pihak Inggerislah yang telah mengisytiharkan darurat pada bulan Jun 1948M/1368H. Selain itu, gerakan politik di kalangan bangsa Cina dan India turut mewarnai politik Tanah Melayu. Namun penentangan golongan ini terhadap *Malayan Union* adalah tidak jelas. Sebaliknya mereka mempunyai matlamat politik yang tersendiri bagi menjamin kedudukan bangsa mereka di Tanah Melayu.<sup>19</sup>

Pada bulan Ogos 1946M/1366H, bangsa India menubuhkan parti yang dinamakan *Malayan India Congress* (MIC) sementara bangsa Cina menubuhkan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada tahun 1949M/1369H. Kelahiran MIC dan MCA adalah atas desakan dan dorongan Inggeris untuk mengimbangi perkembangan politik bangsa Melayu. Serentak dengan itu Inggeris juga telah mendesak UMNO supaya menerima dasar kerakyatan yang lebih longgar demi kepentingan penjajah.<sup>20</sup>

<sup>18</sup>UMNO (United Malay National Organisation) ditubuhkan sebagai reaksi daripada bantahan orang Melayu terhadap *Malayan Union*. Ia adalah resolusi daripada perhimpunan Kongres Melayu se-Malaya yang berlangsung pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Lihat: Abdullah Jusuh, *Ibid*, hal. 72.

<sup>19</sup>*Ibid*, hal. 73.

<sup>20</sup>*Ibid*.



Sebagai reaksi kepada tekanan daripada pihak penjajah Inggeris ke atas golongan Islam, pada 14 Mac 1948M/1368H sebuah parti Islam telah ditubuhkan dan diberi nama *Hiżbu al-Muslimīn* (HAMIM) yang bermarkaz di Ma'had al-Ihyā', Gunung Semanggol, Perak yang diketuai oleh Ustaz Abu Bakar al-Bāqir. Dasar perjuangan mereka ialah untuk menegakkan Islam sebagai perlembagaan negara. Parti ini mendapat sokongan dan dokongan daripada golongan yang hendak menegakkan ketuanan Islam dalam negara. HAMIM menjadi parti Islam yang pertama sebelum PAS.<sup>21</sup>

Dato' Onn bin Jaafar yang menjadi pemimpin UMNO pada masa itu menyifatkan parti tersebut sebagai 'bahaya dari gunung'. Oleh kerana HAMIM dianggap mengancam pemerintah, ia telah diharamkan semasa darurat (1948) dan ramai pemimpinnya ditangkap termasuk Ustaz Abu Bakar sendiri. Selepas itu, dalam persidangan UMNO kali kedua pada tahun 1951M/1371H, Parti Islam se-Malaya (PAS)<sup>22</sup> atau *Pan-Malayan Islamic Party* (PMIP) telah dibentuk.<sup>23</sup>

Berbanding dengan PAS, UMNO memperoleh kecludukan yang lebih selesa apabila mendapat sokongan dan dokongan daripada Inggeris. Dalam banyak hal parti ini lebih diutamakan schinggalah tampuk politik dan pemerintahan Tanah Melayu diserahkan kepada golongan ini pada 31 Ogos 1957.

<sup>21</sup>John Funston, (1980), *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, hal. 91.

<sup>22</sup>Kelahiran PAS adalah kerana timbul perasaan tidak puas hati sayap agama UMNO yang dikenali sebagai Persatuan Ulama Malaya terhadap dasar-dasar UMNO yang dianggap tidak berprinsip, sentiasa berubah-ubah dan tidak berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah sehingga cita-cita Islam tidak dapat digerakkan di dalam UMNO. Akhirnya golongan ulama ini keluar daripada UMNO dan menubuhkan PAS.

<sup>23</sup>Mohd Noordin Sopiee, (1976), *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur: University of Malaya, hal. 10.

### 2.3 Politik Malaysia Selepas Penjajahan

Politik Malaysia selepas penjajahan lebih banyak menyaksikan pertembungan di antara dua buah parti orang Melayu yang terbesar iaitu UMNO dan PAS. Sekiranya kelahiran UMNO bertujuan untuk menentang *Malayan Union* dan memperjuangkan kemerdekaan maka kewujudan PAS<sup>24</sup> pula adalah untuk memenuhi kekosongan yang berpunca daripada pengharapan beberapa buah pertubuhan politik yang sezaman dengan UMNO.<sup>25</sup>

Selepas kelahirannya, PAS terus menjadi saingan politik utama kepada UMNO sehingga menimbulkan konflik yang berpanjangan sehingga ke hari ini. Dilema dan polemik di antara 2 parti ini sentiasa berkisar di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pendekatan dan takrif ideologi kebangsaan Melayu, kepentingan Islam dan bangsa Melayu serta isu-isu yang berkaitan dengan Islamisasi.<sup>26</sup>

Sebelum itu PAS telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik pada 31 Mei 1955 diketuai oleh Dr. Abbas Alias yang menggantikan Haji Ahmad Fuad. Pada peringkat awal, perkembangan PAS tidak begitu cemerlang. Ia tidak dapat menyaingi UMNO yang bergabung dengan MCA dan MIC<sup>27</sup> dan memenangi Pilihanraya Persekutuan 1955. Fenomena ini mencerminkan angin kemerdekaan yang ditiup oleh UMNO lebih diterima oleh rakyat ditambah pula struktur organisasi PAS pada peringkat awal tidak begitu teratur.

<sup>24</sup>Dasar PAS ialah Islam dan tujuannya ialah memperjuangkan wujudnya di dalam negara Malaysia sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah; mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. Lihat *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pindaan 1993*, (1994), cet. 1, Klang: Percetakan al-Saff, hal. 2.

<sup>25</sup>Yusuf Harun, (1986). *Dialog Dengan Pemimpin*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., hal. 317.

<sup>26</sup>Ibrahim Ahmad, (1989), *Konflik Dan Pertentangan PAS-UMNO*, IBS Buku Sdn. Bhd., hal. 10.

<sup>27</sup>Gabungan ini membentuk Parti Perikatan.

Roff, seorang pengkaji politik Melayu dari Barat menulis:

*"PAS di Kelantan pada tahun 1955 adalah sebuah organisasi yang tidak mempunyai kelengkapan yang sempurna sehingga mampu sampai ke kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai bilangan pengundi yang ramai".<sup>28</sup>*

Semenjak zaman awal kewujudannya, PAS mendapat sokongan kuat daripada guru-guru dan pelajar-pelajar agama sekolah pondok.<sup>29</sup> Ini kerana matlamat perjuangan PAS ialah untuk mendaulatkan syariah Islam di tengah masyarakat Islam. Matlamat ini sinonim dengan latar belakang dan orientasi pendidikan 'golongan pondok' tadi. Keadaan ini digambarkan oleh Profesor Clive S. Kessler, seorang lagi pengkaji politik Melayu dengan katanya:

*"PAS mendapat sokongan daripada golongan yang mendapat didikan agama dan golongan yang bekerja sebagai petani di kampung-kampung yang mempunyai pegangan kuat terhadap ajaran Islam".<sup>30</sup>*

Kini PAS semakin berkembang terutama di negeri-negeri yang majoriti penduduknya orang Melayu-Islam. Ia telah berjaya menguasai politik Kelantan antara tahun 1959-1978 dan 1990 sehingga kini serta Terengganu antara tahun 1959-1961. Di negeri-negeri seperti Kedah, Perlis dan Perak, PAS juga mempunyai pengaruh yang kuat.

Pimpinan awal PAS seperti Tuan Haji Ahmad Fuad, Dr. Abbas, Dr. Burhanuddin dan Zulkifli Muhammad adalah pemimpin yang berkaliiber, berwibawa, berprinsip dan tegas pendirian. Sebagai contoh, Dr. Burhanuddin disegani oleh kawan dan lawan dan diakui sebagai seorang pejuang Islam yang tidak menggadaikan prinsip perjuangannya. Ketegasan beliau dalam menegakkan prinsip Islam sebagai dasar perjuangan tergambar menerusi ucapan beliau:

<sup>28</sup>Roff, W. R., (1974), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal 275

<sup>29</sup>Alias Mohamed, (1991), *Malaysia's Islamic Opposition: Past, Present and Future*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, hal. 11.

<sup>30</sup>Clive S. Kessler, (1978), *Islam and Politics in a Malay State-Kelantan 1838-1969*, cet. 1, London: Cornell University Press, hal. 44.

*"Perjuangan kita jauh lagi dibandingkan dengan semua ideologi perjuangan yang ada di tanahair kita hari ini, perjuangan kita dari pangkal hingga ke hujungnya adalah berdasarkan perjuangan dan jihad hendak menegakkan hukum Allah supaya berjalan, dihormati di bumi pusaka kita ini dan mencapai kerajaan Allah. Kita percaya dan berpegang bahawa perjuangan kita menuju cita-cita akhir menegakkan hukum Allah dan keredhaan-Nya itu wajib, maka segala yang menyampaikan kita kepadanya wajib jua kita lalui dan kita perjuangkan dengan nama 'jihad fi sabilillah', kerana itu sepanjang-panjang perjuangan kita mestilah berpedomankan wahyu dan menjunjung perintah Allah".<sup>31</sup>*

Mengulas tentang sokongan masyarakat terhadap UMNO dan PAS, Profesor Clive S. Kessler berkata: *"tujuan utama orang Melayu memasuki UMNO ialah kerana nafsu manakala tujuan orang Melayu memasuki PAS adalah kerana akal".<sup>32</sup>*

Dari satu sudut, pertembungan politik di antara UMNO dan PAS melemahkan umat Islam di Malaysia khususnya orang-orang Melayu. Mereka berpecah-belah dan berada di dalam keadaan lemah dan ketinggalan di dalam banyak aspek kehidupan seperti dominasi ekonomi, pendidikan dan kawalan struktur sosial.

Sebenarnya politik adu-domba antara satu bangsa seagama adalah strategi politik yang sering digunakan oleh musuh Islam bagi menghancurkan umat Islam. Sebagai contoh, untuk menghancurkan umat Islam di Indonesia, Belanda mendapat bantuan daripada anak-anak watan Indonesia sendiri. Maka untuk menawan Makasar yang diperintah oleh Raja Hasanuddin, Belanda menggunakan taktik politik adu-domba dengan memujuk Aru Palaka, seorang bangsawan Boni supaya menentang Raja Hasanuddin. Akhirnya Makasar jatuh ke tangan Belanda.<sup>33</sup>

Hal ini cuba dipraktikkan oleh Inggeris di Malaysia. Diplomasi yang dilakukan berjaya membolehkan Inggeris menyusun strategi yang lebih rapi untuk menerapkan fahaman sekularisme ke dalam pemikiran bangsa Melayu.

<sup>31</sup>Dipetik daripada *Suara Islam*, bil. 10, September 1958, hal. 13.

<sup>32</sup>Clive S. Kessler, *op.cit.*, hal. 228.

<sup>33</sup>R. Sutjiptor, Dr., (1960), *Sejarah Indonesia*, Jakarta: INDIRA, jil. 2, hal. 40.

### 3.0 PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Undang-undang atau perlembagaan adalah 'nadi' kepada sesebuah negara. Ia berfungsi sebagai acuan atau kerangka utama yang mentakrif dan membentuk sistem politik dan pentadbiran negara. Sekiranya perlembagaan yang dipakai bersifat sekular maka sistem politik juga turut bersifat sekular. Oleh sebab itu hubungan di antara undang-undang dan politik amat rapat. Di Malaysia sendiri, undang-undang Islam yang diamalkan di dalam masyarakat Islam sejak sekian lama mula dipinda dan diubah selepas kedatangan golongan imperialis Barat.

#### 3.1 Pelaksanaan Undang-Undang Islam Sebelum Penjajahan.

Sebelum kedatangan Islam, undang-undang yang diamalkan di negara ini adalah berasaskan kepada ajaran Hindu di samping fahaman animisme yang menebal di kalangan orang-orang Melayu pada masa itu. Konsep-konsep Hindu bercampur aduk dengan amalan animisme penduduk-penduduk tempatan dan sesetengahnya masih diamalkan di kalangan orang-orang Melayu sehingga ke hari ini.<sup>34</sup>

Apabila Islam mula bertapak di Melaka dalam kurun ke-15, perubahan mula berlaku. Adat-adat yang digunapakai ketika itu mula diakomodasikan dengan Islam dan seterusnya diamalkan. Orang-orang Islam dibenarkan mengikut adat selagi ia tidak bercanggah dengan syariah Islam.<sup>35</sup>

<sup>34</sup>Abdullah Alwi Haji Hassan, Dr., "Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Negeri-Negeri Malaysia-Suatu Ulasan", dalam *Ke Arah Merealiskan Undang-Undang Islam Di Malaysia* (diedit oleh Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, (1988), Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd., hal. 89.

<sup>35</sup>*Ibid.*

Pengkajian undang-undang Islam di Tanah Melayu tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan Undang-Undang Melaka dan kanun-kanun Melayu yang lain. Undang-undang perkahwinan Islam, jenayah, jualan dan keterangan (prosedur) telah dipakai dalam kanun-kanun tersebut dan ia adalah pemakaian undang-undang Islam yang terawal di Tanah Melayu.

Hal ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam telahpun diterimapai di dalam istiadat atau adat masyarakat tempatan. Undang-undang adat yang utama pada masa itu ialah Adat Temenggung dan Adat Papatih.<sup>36</sup> Justeru itu undang-undang yang mempengaruhi masyarakat Melayu Islam adalah undang-undang Islam yang digandingkan dengan adat Melayu sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas di dalam undang-undang Melaka.<sup>37</sup>

Hukum-hukum yang diperuntukkan di dalam undang-undang Melaka ini menunjukkan pengaruh Islam yang kuat dalam penguatkuasaan hukuman jenayah. Ia juga membuktikan penerimaan pemerintah terhadap pelaksanaan hukum-hukum Islam. Pengaruh Islam lebih ketara dalam bidang perkahwinan, perceraian dan pusaka.

Di Pahang pula, semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar (1592-1614) satu undang-undang telah diperkenalkan yang dikenali sebagai *Malay Legal Digest*. Undang-undang ini turut dikuatkuasakan di Perak dan Johor.<sup>38</sup>

Di dalam undang-undang ini pengaruh adat Melayu semakin berkurangan sebaliknya pengaruh Islam lebih banyak diterima. Terdapat peruntukan berdasarkan undang-undang Islam mengenai *qisās*, denda, persetubuhan haram, meliwat, fitnah, minuman yang memabukkan, mencuri, merompak, murtad, meninggalkan sembahyang, jihad, acara, saksi dan sumpah. Terdapat juga peruntukan mengenai perdagangan, jual

<sup>36</sup>M.B. Hooker, (tt), 'Adat and Islam in Malaya', dalam *Malaya Law Review Legal Essays in Memoriam Bashir Ahmad Mallal* (cet. kembali), Singapura, hal. 170ff.

<sup>37</sup>Ahmad Ibrahim, (1965), *Islamic Law in Malaya*, Singapura: Malaysian Sociological Research Institute, hal. 161. Lihat juga lampiran B.

<sup>38</sup>Abdul Munir Yaacob, *Peranan Kehakiman Dalam Melaksanakan Hukum Syarak di Malaysia*, bahagian II, kertas kerja 1986, hal. 23.

beli, jaminan, pelaburan, amanah, pembayaran kepada buruh, tanah, pemberian dan wakaf.<sup>39</sup>

Sementara di Johor terdapat *Majalah Ahkām Johor* yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan dipraktikkan di sana. Menurut Prof. Tan Sri Ahmad Muhammad Ibrahim, seorang pakar undang-undang terkemuka tanahair, undang-undang Johor juga mengikut Hukum Kanun Melaka dan sebagai tambahan pada awal abad ke-20, ia menurut pengkanunan undang-undang Islam yang dibuat di Turki dan di Mesir. Ia diterjemahkan sebagai *Majalah Ahkām Johor* dan *Kanun Qadri Basya* (Mazhab Hanafi) diambil dan diterjemahkan sebagai *Ahkām Syar'iyah Johor*.<sup>40</sup>

Di Kelantan pula, undang-undang Islam telah dipakai oleh pemerintah Kelantan semenjak abad ke-19 lagi. W.R. Roff mencatatkan:

*"terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pada sekitar tahun 1830-an telah ada jawatan mufti negeri dan jawatan hakim di Kota Bharu. Bidang kuasa mufti lebih tertumpu kepada soal-soal kebajikan dalam Mahkamah Syariah yang sebahagian besarnya merujuk kepada undang-undang diri orang Islam. Ia juga mempunyai bidang kuasa di dalam soal-soal yang berbubung dengan pelanggaran tatasusila undang-undang moral dan perkara yang berbubung dengan amal ibadah. Manakala bidang kuasa pihak yang kedua sebagai hakim, bidang kuasanya tertumpu kepada mahkamah jenayah iaitu gabungan di antara undang-undang Islam dengan undang-undang adat Melayu".<sup>41</sup>*

Di Terengganu, pengaruh undang-undang Islam dapat dilihat dengan jelas pada awal abad ke-19 khususnya pada zaman pemerintahan Sultan Umar yang menduduki tahta kerajaan negeri pada tahun 1837. Baginda sangat mengambil berat terhadap

<sup>39</sup> Ahmad Mohamad Ibrahim, (1985), *Sistem Undang-Undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP. Hal. 47.

<sup>40</sup> *Ibid*, hal. 47-48.

<sup>41</sup> W.R. Roff, (1974), "The Origin and Early Years of the Majlis Agama" dalam W.R. Roff, *op.cit.*, hal. 106.

perlaksanaan hukum syarak.<sup>42</sup> Pada tahun 1911, Perlembagaan Terengganu telah diisytiharkan dan dikenali sebagai *Itqān al-Mukāh Vi al-'U'dl al-Sukū*.<sup>43</sup>

Sebagai contoh, peruntukan di dalam bab 51 dengan jelas menyatakan bahawa Terengganu ialah sebuah negeri Islam dan agama Islam sebagai agama rasmi negeri walaupun sekiranya majoriti penganut agama lain lebih ramai. Raja Terengganu pula mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu dan berketurunan daripada Kesultanan Terengganu yang sebenar.<sup>44</sup>

Kesimpulannya, sebelum kedatangan penjajah undang-undang Islam adalah undang-undang negara di Tanah Melayu di mana mazhab yang diikuti ialah Mazhab Syafi'i. Usaha-usaha untuk mengubahsuai undang-undang Adat Melayu mengambil undang-undang Islam telah terhenti apabila British mula datang ke Tanah Melayu.

### 3.2 Perlaksanaan Undang-Undang Islam Semasa Penjajahan.

Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu bermula pada tahun 1786 apabila Kapten Francis Light mendarat di Pulau Pinang dan mengadakan perjanjian dengan Sultan Kedah yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor.<sup>45</sup>

Perjanjian itu memberi peluang kepada Inggeris untuk memperkenalkan dan melaksanakan undang-undang mereka di kawasan yang dijajah. Inggeris menganggap Pulau Pinang belum mempunyai sebarang undang-undang malah seluruh Tanah Melayu

<sup>42</sup>Hugh Clifford, (1961), "Expedition: Terengganu and Kelantan, dalam *Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, jil. XXXIV, hal. 60-61.

<sup>43</sup>Disunting oleh J. de V. Allan, A.J. Stowell & L.R. Wright, (t.t), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia: 1761-1963*, jil. 1, New York: Oceana Publication, hal. 474-491.

<sup>44</sup>Hamid Jusoh, (1992), *Kedudukan Undang-Undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, (terj. oleh Raja Rahawani Raja Mamat), Kuala Lumpur: DBP, hal. 14.

<sup>45</sup>H.P. Clodd, (1948), *Malays British Pioneer Life of Francis Light*, London, hal. 44-46.



dianggap tidak mempunyai perlembagaan yang teratur sementara undang-undang Islam yang dilaksanakan dianggap zalim.<sup>46</sup>

Pada tahun 1807, Inggeris menubuhkan Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang. Serentak dengan itu undang-undang Inggeris mula dikuatkuasakan termasuk juga di Singapura dan Melaka. Ketiga-tiga negeri ini kemudiannya dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat. Sementara itu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, Sistem Residen diperkenalkan. Melalui sistem ini, Inggeris menyalurkan undang-undang mereka kepada pihak berkuasa tempatan dengan memaksa para sultan supaya mengisytiharkan undang-undang Inggeris di atas nama sultan dan menerima seorang pegawai British (Residen Jeneral) sebagai wakil kerajaan British.<sup>47</sup>

Undang-undang Islam disisihkan setelah undang-undang British mengambil tempatnya kecuali dalam hal-hal keagamaan dan kekeluargaan yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu di samping Mahkamah Syariah yang diketuai oleh sultan sebagai ketua agama.<sup>48</sup>

Jelaslah bahawa kedatangan British telah membawa perubahan besar di dalam pentadbiran negara dengan bermulanya proses sekularisasi di dalam sistem perlembagaan negara yang memisahkan agama daripada pentadbiran. Dari sini berlakulah dua corak pentadbiran di dalam negara iaitu yang berbentuk agama dan bukan agama. Dalam pentadbiran undang-undang, lahirlah Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah sementara dalam pentadbiran lain kegiatan agama disalurkan kepada Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu sedangkan urusan lain diserahkan ke bahagian lain.<sup>49</sup>

<sup>46</sup>Victor Purcell, (1965), *The Memories of Malayan Official*, London, hal. 200.

<sup>47</sup>Abdul Samad Ahmad, (1968), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 53.

<sup>48</sup>Hal ini dapat dilihat dalam Enakmen Majlis-Majlis Agama Negeri-Negeri.

<sup>49</sup>Abdul Halim al-Muhammady, Prof. Madya, Dr., "Peranan Pusat Pengajian Tinggi Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia", dalam "Ke Arah Merealisasikan Undang-Undang Islam Di Malaysia", *op.cit.*, hal. 111.

### 3.3 Pelaksanaan Undang-Undang Islam Selepas Penjajahan.

Sewaktu membincangkan pelaksanaan undang-undang Islam selepas era penjajahan, Prof. Dr. Abdullah Alwi Hj. Hassan<sup>50</sup> membahagikan kepada dua peringkat masa; peringkat awal kemerdekaan dan peringkat masa kebangkitan Islam.

#### 3.1.1 Peringkat Awal Kemerdekaan

Ketika Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sistem perundangan British telah bertapak kukuh di negara ini. Oleh itu selepas merdeka undang-undang Inggeris terus diamalkan sepenuhnya sebagaimana sebelum daripada itu kerana semuanya telah disemadikan dalam bentuk undang-undang dan peraturan. Oleh kerana undang-undang Islam terputus sejak sekian lama maka pemikiran British telah dapat mempengaruhi dalam pembentukan perlembagaan negara.<sup>51</sup>

Dalam perkara 3(1) perlembagaan Malaysia ada menyebut bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan. Menurut kebanyakan ahli undang-undang, artikel ini tiada apa-apa kesan dalam undang-undang.<sup>52</sup> Begitu juga Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama sering menegaskan bahawa negara ini adalah negara sekular seperti negara Barat.<sup>53</sup>

<sup>50</sup> Beliau ialah pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya dan pensyarah kanan di Jabatan Syariah Politik, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>51</sup> Abdullah Alwi Hj. Hassan, Dr., *op.cit.*, hal. 112-113.

<sup>52</sup> Sheriden L.A. & Harry E. Grove, (1979), *The Constitution of Malaysia*, Singapore: MCJ (PTE), hal. 37.

<sup>53</sup> Kenyataan ini dapat dilihat menerusi kenyataan Tengku dalam beberapa tulisannya. Lihat: *Official Report of Legislative Council Debates*, 1 Mei 1958, para 4631 dan 4671-4672. Di dalam suatu kenyataan, Tunku berkata: "...saya hendak menyatakan bahawa negara ini bukan negara Islam sebagaimana yang kita ketahui. Kita hanya menentukan Islam adalah agama rasmi negara..." Lihat: Abdullah Ishak, Dr., (1990), *Islam Di Nusantara*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, hal. 213.

Maka dengan melerakkan Islam dalam kedudukan yang begitu lemah dalam undang-undang dasar negara, sudah tentu Islam tidak mampu membuat perubahan di dalam perlembagaan negara melainkan sekiranya ada peruntukan lain yang membolehkan perubahan itu berlaku. Maka sebab itulah walaupun kemerdekaan telah lama dicapai, kedudukan syariah Islam masih di tahap lama dalam ruang perlaksanaannya.<sup>54</sup>

### 3.3.2 Peringkat Masa Kebangkitan Islam

Di awal tahun 70-an, kebangkitan Islam mula menonjol di negara ini apabila timbul kesedaran Islam di kalangan cendekiawan Melayu dan pelajar Islam yang menuntut di universiti sama ada di luar atau di dalam negara. Kesedaran ini telah membawa perubahan dalam kehidupan masyarakat dari segi pemikiran dan tindakan yang turut mempengaruhi perkembangan politik dan sosial masyarakat.<sup>55</sup>

Rentetan daripada itu, timbulah kecenderungan baru dalam masyarakat untuk melihat perkembangan dan pelaksanaan Islam yang lebih luas dan mendalam. Ahli undang-undang berminat untuk mendalami undang-undang Islam sementara para pemerintah pula cenderung untuk melaksanakan sistem Islam dalam ruang-ruang yang dianggap tidak bercanggah dengan perlembagaan dan dasar negara. Justeru, lahirah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Bank Islam, Takaful Islam, Universiti Islam dan sebagainya.<sup>56</sup>

Dalam politik pula, kesedaran politik Islam di dalam masyarakat memungkinkan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merampas Kelantan daripada Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum 1990 seterusnya cuba melaksanakan undang-undang Islam setakat yang mampu (selagi tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara) seperti menghadkan jumlah dan minuman arak kepada bukan Islam, mengharamkan judi dan sebagainya.

<sup>54</sup> Abdullah Alwi Hj. Hassan, Dr., *op.cit.*, hal. 113.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> *Ibid.*

Penghujung abad ke-20 ini menyaksikan kesedaran masyarakat Islam terhadap Islam dan tuntutan pelaksanaan undang-undangnya semakin meningkat dari hari ke hari.

### 3.4 Kedudukan Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia

Artikel 3(1) Perlembagaan Malaysia menyatakan: "*Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan*".<sup>57</sup>

Sebenarnya artikel ini tidak menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang meletakkan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai perlembagaan tertinggi negara sebaliknya artikel 3(1) itu dibatasi pula oleh artikel 4(1) yang berbunyi:

*"Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu".<sup>58</sup>*

Artikel ini membuktikan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia manakala kuasa untuk menggubal undang-undang Islam menjadi tanggungjawab Dewan Perundangan Negeri yang tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.<sup>59</sup>

Justeru itu sekiranya Dewan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang Islam yang berlawanan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen atau dalam bidang kuasa Parlimen meluluskannya maka undang-undang yang diluluskan di peringkat negeri itu akan terbatal dengan sendirinya dan undang-undang Persekutuan yang dikira sah dan terpakai.

<sup>57</sup>Lihat Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (1993), *Perlembagaan Malaysia (Mengandungi Semua Pindaan Hingga 25 April 1993)*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, hal. 1.

<sup>58</sup>*Ibid*, hal. 2.

<sup>59</sup>Mohamed Sulfian, Tun, (1990), *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, (terj. oleh Mohamad Jajuli Rahman), Kuala Lumpur: DBP, hal. 19. Lihat juga: Hamid Jusoh, (1992), *op.cit.*, hal. 45.

Sekiranya ditinjau kepada sejarah kemerdekaan, pada peringkat awal perbincangan tentang kemerdekaan yang bermula sejak bulan Ogos 1955,<sup>60</sup> satu suruhanjaya telah dibentuk untuk menggubal draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya itu terdiri daripada lima orang iaitu Lord Reid (Lord of Appeal in Ordinary) sebagai pengerusi, Sir Ivor Jennings (Master of Trinity Hall, Cambridge), Sir William McKell (bekas Gabenor-Jeneral Australia), Yang Arif M.B. Malik (bekas Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Allahabad) dan Yang Arif Abdul Hamid (Hakim Mahkamah Tinggi Pakistan Barat). Suruhanjaya ini telah mengambilkira keperluan dimasukkan peruntukan di dalam perlembagaan untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara.<sup>61</sup>

Sebenarnya peruntukan Islam sebagai agama rasmi negara yang terdapat di dalam artikel 3(1) Perlembagaan Persekutuan adalah berdasarkan cadangan yang dibuat oleh Parti Perikatan. Kemudian di dalam penjelasan kepada raja-raja Parti Perikatan telah menyatakan bahawa tujuan sebenar menjadikan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan adalah untuk kepentingan pelbagai upacara rasmi umpamanya bagi membolehkan upacara rasmi seperti Majlis Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong, sambutan Hari Kemerdekaan dan upacara-upacara lain yang seumpamanya disertai dengan pembacaan doa dan amalan yang bercorak keislaman.<sup>62</sup>

Satu bentuk penjelasan yang sama juga telah ditegaskan di dalam Kertas Putih berkaitan dengan cadangan-cadangan perlembagaan yang menyatakan:

*"Cadangan Perlembagaan Persekutuan telah menyebutkan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan. Ia tidak sama sekali mengubah keadaan yang telah sedia ada bahawa Persekutuan adalah sebuah negara sekular..."<sup>63</sup>*

<sup>60</sup>Perbincangan ini adalah di antara Setiausaha Negara Inggeris, raja-raja dan menteri-menteri daripada Parti Perikatan.

<sup>61</sup>Lihat laporan suruhanjaya ini pada lampiran C.

<sup>62</sup>M. Suffian Hashim, "The Relationship Between Islam and The State in Malaya" dalam *Intisari*, (disunting) Shirle Gordon, jil. 1, no. 1, Malayan Sociological Research Institute Ltd., hal. 8.

<sup>63</sup>*Cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu*, (1957), Pejabat Tanah Jajahan, London 1957, hal. 20.

Selain itu, bukti bahawa Perlembagaan Persekutuan lebih mengatasi syariah Islam boleh dilihat di dalam penghakiman (interpretasi) Mahkamah Agung dalam kes *Che Omar bin Che Sub lanan Pendakawaya*<sup>64</sup>. Che Omar telah merayu untuk membantah hukuman mati mandatori yang dikenakan ke atasnya kerana kesalahan mengedar dadah dan kesalahan di bawah Akta Senjata Api. Ini disebabkan hukuman itu melanggar injuksi (perintah) agama Islam (dalam Perlembagaan Persekutuan) maka hukuman itu tidak berperlembagaan dan tidak sah.

Walaupun bagaimanapun Mahkamah Agung memutuskan bahawa istilah "Islam atau agama Islam" dalam perkara (3) Perlembagaan Persekutuan dalam konteks ini hanya merujuk kepada tindakan-tindakan yang berkaitan dengan *ritual* dan upacara (bukannya sebagai perlembagaan tertinggi negara).

Sewaktu menyampaikan keputusan mahkamah Ketua Hakim Negara pada masa itu, Tun Salleh Abbas berkata: "*Agama Islam dalam artikel 3 hanya meliputi upacara-upacara rasmi semata-mata*".

Tambah beliau lagi:

*"Kita terpaksa menetapkan perasaan peribadi (sebagai Muslim) kerana inilah undang-undang negara kita, sekular. Sehingga undang-undang ini dipinda, kami (mahkamah) tidak mempunyai pilihan selain menערuskan apa yang telah diperuntukkan undang-undang. Pendapat yang menyatakan bahawa Islam sepatutnya menjadi agama yang memberi kesan kepada undang-undang, tidak perlu diketengahkan di dalam mahkamah, tetapi perlu diketengahkan melalui seminar, forum, orang-orang politik, dan Parlimen"*<sup>65</sup>.

Di dalam perkara 11(1) di bawah tajuk kebebasan agama menyatakan: "*Tiap-tiap orang adalah berhak mengamati dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada fasal (4), mengembangkan agamanya*"<sup>66</sup>. Jika peruntukan ini ditafsirkan mengikut kepentingan Islam, ia bermakna setiap orang Islam berhak mempraktikkan Islam sama ada dari segi ibadahnya, pergaulan, ekonomi atau politik. Jika dia berada di mahkamah untuk menuntut haknya

<sup>64</sup> *Malayan Law Journal*, (1988), Vol. 2, hal. 55.

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (1993), *op.cit.*, hal. 6

dalam kes sivil, dia berhak untuk meminta supaya urusannya dibuat berasaskan peraturan Islam. Namun realitinya ia tidak berlaku sebaliknya peruntukan ini diperalatkan untuk kepentingan agama lain ketika berdepan dengan Islam.

Contohnya ialah sebagaimana yang terjadi dalam kes *Jamaluddin (@ Joshua bin Othman melawan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*. Dalam kes ini, Jamaluddin atau Joshua adalah orang Melayu yang menukar agama menjadi Kristian dan menjadi paderi serta berjaya menarik sekurang-kurangnya enam orang Melayu lain menukar agamanya. Beliau kemudiannya ditangkap pada 27 Oktober 1987 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Beliau memohon daripada mahkamah supaya dibebaskan atas alasan pihak berkuasa tidak berhak menahannya kerana tindakannya adalah dilindungi oleh Perkara 11(1) tadi. Mahkamah akur dengan hujah-hujah tersebut dan mengarahkan supaya beliau dibebaskan.<sup>67</sup>

Di dalam sistem pengurusan keadilan Islam pula, pentadbiran undang-undang syariah terletak di tangan kerajaan negeri manakala institusi yang mengendalikan urusan keadilan agama adalah Mahkamah Syariah. Malangnya kuasa Mahkamah Syariah amat terbatas. Ia hanya berlegar di dalam urusan peribadi, undang-undang keluarga, wakaf dan pusaka serta beberapa kesalahan kecil jenayah syariah untuk penganut agama Islam sahaja dengan bidang kuasa menghukum yang terhad. Malah sekiranya keputusan di peringkat negeri itu berlawanan dengan undang-undang Persekutuan maka undang-undang Persekutuan itulah yang dipakai dan undang-undang negeri terbatal.<sup>68</sup>

Menurut Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid,<sup>69</sup> kedudukan umat Islam di dalam negara ini setaraf dengan kedudukan *Ahl al-Zimamah* di dalam sebuah negara Islam. Kedudukan seperti ini langsung tidak dapat dibanggakan dan tidak boleh disifatkan sebagai suatu pencapaian sesudah negara mencapai kemerdekaan. Ini kerana tahap ini sudah lama dicapai semenjak negara di bawah cengkaman kuasa kolonial lagi malah dapat dicapai di kebanyakan negara bukan Islam yang suka mengatur undang-undang keluarga

<sup>67</sup>Malaysian Law Journal, vol. 1, *op.cit.*, hal. 448-451.

<sup>68</sup>Lihat artikel 75 di bawah "Undang-Undang Negeri yang berlawanan dengan Undang-Undang Persekutuan" dalam Perlembagaan Persekutuan, *op.cit.*, hal. 47.

<sup>69</sup>Beliau ialah pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

di negara masing-masing mengikut kepercayaan agama atau tradisi yang diambil oleh anggota masyarakat di dalamnya.<sup>70</sup>

Dr. Mahmood Zuhdi menegaskan bahawa kenyataan di atas dibuktikan oleh Perlembagaan Malaysia. Ia dibentuk untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular. Meskipun terdapat beberapa perkara yang menguntungkan Islam namun nilai-nilai negatif lebih mendominasi perlembagaan. Dengan mengeneppikan kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara, Perlembagaan Malaysia sekarang telah menjadi suatu halangan besar ke arah cita-cita merealisasikan undang-undang Islam di negara ini.<sup>71</sup>

Pendapat beliau ini turut dikongsi bersama oleh Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Ustaz Haji Ahmad Awang bahawa perlembagaan sekular sesebuah negara itulah antara penghalang utama ke arah pembentukan negara Islam.<sup>72</sup>

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia yang diwakili oleh mahkamah-mahkamah Syariah negeri amat terbatas.<sup>73</sup> Sehingga kini susun atur pentadbiran kerajaan masih meneruskan bibit-bibit pemikiran penjajah. Undang-undang Islam itu sendiri adalah suatu kesinambungan daripada kewujudan undang-undang pada zaman pentadbiran pemerintahan Inggeris.<sup>74</sup>

<sup>70</sup>Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, (1988), *Ke Arah Merealisasikan Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., hal. 19

<sup>71</sup>*Ibid*

<sup>72</sup>Ahmad Awang, "Perlembagaan Sekular Menjadi Penghalang" dalam *Suara Persatuan Ulama Malaysia*, Jan. 1992, bil. 24, tahun 3, hal. 7.

<sup>73</sup>Mahfodz Mohamed, Prof. Madya, Dr., "Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia", dalam *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 1, Jan-Jun 1993, Fak. Syariah, AIUM, hal. 69.

<sup>74</sup>Hamid Jusuh, *op.cit*, hal. 48-49.



## 4.0 CONTOH SEKULARISME DI DALAM POLITIK MALAYSIA

Di hujung bab ini, penulis membawakan situasi pengaruh sekularisme yang sedang melanda Malaysia sebagai fokus kajian.

Menurut Haji Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif,<sup>75</sup> sekularisme telah dibawa masuk ke Malaysia menerusi tahap-tahap sejarah tertentu; penjajahan, kemerdekaan dan pemodenan.<sup>76</sup> Tiga tahap sejarah ini adalah alat atau mekanisme utama sekularisme di Malaysia.

### 4.1 Tiga Mekanisme Utama Sekularisme Di Malaysia.

#### 4.1.1 Penjajahan

Keagungan Empayar Melayu Melaka mula tergugat dengan kedatangan bangsa Eropah. Kedatangan mereka bertujuan untuk merampas kekayaan bangsa Melayu malah motif yang lebih utama ialah untuk menghancurkan kekuatan Islam dan mengkristiankan semua negeri di Alam Melayu.<sup>77</sup>

Bangsa Eropah telah berjaya menguasai dunia Islam sejak meletusnya Perang Dunia Pertama (1914-1918). Mereka telah mengadakan hubungan diplomatik berbentuk perjanjian yang dinamakan "Treaties of Capitulation" untuk mengheret umat Islam ke dalam perangkap mereka.<sup>78</sup>

<sup>75</sup>Beliau adalah pensyarah Sains Politik di UKM.

<sup>76</sup>Wan Abdul Rahman b. Wan Abdul Latif, kertas kerja 1, *op.cit.*, hal. 3.

<sup>77</sup>J.M. Gullick, (1969), *Malaysia*, London: Ernest Benn Limited, hal. 41.

<sup>78</sup>Mat Daud Awang Hamat, (1979), 'Ke Arah Sistem Islam Antarabangsa', dalam *Islamiyyat*, jil. 2, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 24.

Melalui perjanjian ini, bangsa Eropah berjaya menguasai ekonomi dan politik umat Islam di negara Arab. Hal yang sama telah dilakukan oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu yang mengadakan perjanjian untuk menggali lombong. Akibatnya raja-raja Melayu kehilangan kuasa mereka.<sup>79</sup>

Pentadbiran negara pula telah dikuasai oleh Residen Inggeris. Bagi mengukuhkan kedudukan, Inggeris telah memberi kemewahan kepada raja-raja Melayu dan para pembesar yang menyokong mereka. Di samping itu, Inggeris telah memperkenalkan Piagam-Piagam Keadilan (*Charter of Justice*). Menerusi piagam ini undang-undang Inggeris dikuatkuasakan dan sebuah mahkamah tinggi dibentuk seperti di Pulau Pinang pada tahun 1807.<sup>80</sup>

Akhirnya undang-undang Inggeris menjadi dominan sementara syariah Islam mula dipinggirkan. Inggeris juga telah mengubah struktur pentadbiran agama Islam dan undang-undang Mahkamah Syariah serta menubuhkan Majlis Agama Islam yang berperanan menurut kehendak mereka. Mahkamah Syariah pula terhad kepada undang-undang keluarga dan hanya boleh dikuatkuasakan ke atas orang-orang Islam sahaja.<sup>81</sup>

Menerusi Sistem Residen, Inggeris lebih berjaya memisahkan agama daripada politik dan pentadbiran negara di mana agama Islam dikelompokkan sebagai suatu budaya, bukan sebagai 'the way of life'. Dari sini kita lihat orang-orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia telah dinafikan hak mereka dalam amalan Islam di dalam kehidupan seharian. Mereka telah dihalang oleh undang-undang negara yang hanya memberikan hak untuk melaksanakan tuntutan agama dalam skop yang sempit dan terhad, sedangkan orang yang bukan Islam menikmati hak beragama mereka sepenuhnya sama ada semasa berada di bawah sistem undang-undang Islam sebelum era penjajahan mahupun selepasnya.<sup>82</sup>

<sup>79</sup>Abdullah Jusuh, *op.cit.*, hal. 69-70

<sup>80</sup>Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, *op.cit.*, hal. 10.

<sup>81</sup>Hal ini bukan suatu yang menghairankan kerana pandangan Inggeris terhadap agama adalah sama dengan pandangan agama Kristian yang memisahkan agama daripada politik dan urusan negara *Ibid.*

<sup>82</sup>Mahmud Saedon Awang Othman, (1988), 'Penyelesaian Masalah Masyarakat Majmuk Melalui Perundangan Islam', *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*, Kuala Lumpur: DBP, hal 134.

Demikianlah kejayaan pihak Inggeris dalam usaha memperkecilkan peranan Islam di dalam sistem politik dan pentadbiran negara.

#### 4.1.2 Kemerdekaan

Tanah Melayu telah dianugerahi kemerdekaan oleh Inggeris pada 31 Ogos 1957. Namun kemerdekaan yang dikecapi bukanlah bersifat hakiki sebaliknya ia hanya bersifat kulit atau luaran. Sebenarnya pengaruh kekuasaan Inggeris masih wujud kerana mereka hanya memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu dalam lingkungan *Commonwealth* iaitu "Full Self-Government and Independence within the Commonwealth" yang bererti berhak penuh memerintah sendiri dan merdeka dalam lingkungan *Commonwealth* Inggeris.<sup>83</sup>

Hakikat ini membayangkan hanya berlaku pertukaran pucuk pimpinan dari pegawai Inggeris kepada pucuk pimpinan Parti Perikatan yang diketuai oleh bangsa Melayu untuk mentadbir sendiri negara ini dengan meneruskan polisi penjajah. Ini mungkin satu bentuk penjajahan moden seperti yang pernah dijalankan oleh penjajah-penjajah Eropah di negara-negara Islam yang dijajah.

Sejarah imperialisme dan proses sekularisasi di Turki memberi pengajaran yang cukup bernilai kepada umat Islam. Apabila sahaja kuasa imperialis Barat yang terdiri daripada Inggeris, Greece, Itali dan Perancis ingin berundur daripada bumi Turki, beberapa orang wakil yang terdiri daripada anak-anak tempatan telah dilantik. Mereka inilah yang bakal meneruskan kelangsungan polisi penjajahan Barat.<sup>84</sup>

Transisi kuasa di Tanah Melayu pula berlaku daripada pegawai-pegawai Inggeris kepada golongan aristokrat (bangsawan) Melayu yang dididik dengan pendidikan sekular Barat dan dipercayai oleh pihak Inggeris. Sebenarnya pihak Inggeris sedari mula lagi telah

<sup>83</sup>Ibrahim Yaakub, (1957), *Sekitar Malaya Merdeka*, Kesatuan Malaya Bahagian Penerangan Jakarta, hal. 70.

<sup>84</sup>Abdul Wadud Yusuf, *op.cit.*, hal. 45.

cuba 'menyuntik racun sekularisme' ke dalam pemikiran masyarakat Melayu-Islam dengan menggunakan pelbagai cara.

Cara yang paling efektif adalah menerusi pendidikan di mana mereka telah mendirikan sekolah-sekolah yang menjadikan sistem pendidikan sekular Barat sebagai tunjang utama. Nama-nama seperti Penang Free School, Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Victoria Institution, La Salle, St. John, St. Mary, Convent, Methodist dan pelbagai lagi cukup sinonim dengan sistem pendidikan Barat. Menerusi sekolah-sekolah seperti inilah pendidikan dan fahaman sekular mula disebarkan. Manakala para pelajar pula dipilih daripada golongan aristokrat Melayu. Golongan inilah yang diharapkan menjadi pelapis kepada para pegawai Inggeris setelah berlakunya proses kemerdekaan.<sup>85</sup>

Sebenarnya program pendidikan adalah wadah utama pihak penjajah untuk mengekalkan kuasa mereka di negara-negara umat Islam yang dijajah. Senjata ampuh ini telah berjaya dibuktikan di Turki, Mesir termasuk juga di Malaysia. Prof. Kurshid Ahmad<sup>86</sup> telah merakamkan ucapan Lord Macaulay (1800-1859) ketika memperkenalkan pendidikan baru di India yang berbunyi:

*"Kita harus berusaha sedaya upaya untuk membentuk satu golongan yang dapat menjadi perantaraan di antara kita dengan jutaan rakyat peribumi yang kita perintah iaitu golongan yang masih lagi India dari segi kulit dan darahnya tetapi diInggeriskan citarasa, pemikiran, akhlak dan daya inteleginya".<sup>87</sup>*

Seorang tokoh misionary, Teedy pernah berkata:<sup>88</sup>

*"Kita patut menggalakkan penubuhan sekolah sekolah yang menerima pakai sistem sekular Barat kerana ramai orang Islam yang tergoyah akidah mereka terhadap ajaran Islam dan al-Qur'an selepas mereka mempelajari buku-buku Barat dan bahasa-bahasa asing".*

<sup>85</sup>Wawancara di antara Majalah Tamadun dengan Saudara Zulkifli Nordin, seorang peguam dalam *Tamadun*, Mac 1998, hal. 12.

<sup>86</sup>Beliau kini adalah naib presiden kepada Jama'at Islami Pakistan.

<sup>87</sup>Kurshid Ahmad, (1970), *Islam and The West*, Lahore: Islamic Publican Ltd., hal. 12.

<sup>88</sup>Dipetik daripada Abdul Wadud Yusuf, (1994), *op.cit.*, hal. 50.

Paderi Samuel M. Zweimer, seorang tokoh orientalis terkemuka yang aktif dalam bidang misionari dan menjadi ketua penybar agama Kristian di Timur Tengah juga berkata:<sup>89</sup>

*"Selagi mana orang-orang Islam menolak sekolah-sekolah Kristian maka kita pula perlu membina sekolah-sekolah berpendidikan sekular bagi mereka, kita mudahkan syarat kemasukan mereka ke sekolah ini. Inilah sekolah-sekolah yang membantu kita untuk menghancurkan roh Islam dari dalam diri para pelajar".*

Profesor H. A. R. Gibb (1895-1970), seorang lagi tokoh orientalis terkenal pernah menjelaskan kejayaan usahanya membaratkan masyarakat Islam. Dalam bukunya "Whither Islam", beliau menyatakan bahawa kegiatan pendidikan dan kebudayaan melalui sekolah-sekolah dan akhbar-akhbar telah meninggalkan kesan yang tidak disedari oleh orang-orang Islam iaitu melahirkan suatu pandangan umum dan sikap yang semakin lolos daripada ikatan agama.<sup>90</sup>

Tidak syak lagi inilah satu-satunya benih yang berjaya ditanam oleh penjajah Barat di dalam masyarakat Islam. Akhirnya walaupun akidah Islam masih utuh tetapi 'kesaktian' dan kekuasaannya semakin berkurangan dan Islam yang dahulunya pernah menguasai kehidupan semakin hilang pengaruhnya.<sup>91</sup>

Di Malaysia, kepimpinan daripada golongan aristokrat Melayu kebanyakannya telah dilatih khas di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Maktab Perguruan Sultan Idris untuk mengambil alih kepimpinan negara dari kuasa kolonial.<sup>92</sup> Umumnya golongan ini telah menerima parti UMNO sebagai wadah perjuangan politik. Pihak kolonial pula agak selesa dengan kehadiran UMNO yang daripada suatu segi mempunyai ideologi politik yang seiring dengan kehendak mereka. Tambahan lagi, semangat nasionalisme yang

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> H.A.R. Gibb, (1932), *Whither Islam? A Survey of Modern Movements in the Moslem World*, London: Gollancz, hal. 334-335.

<sup>91</sup> *Ibid.*, hal. 335.

<sup>92</sup> Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, *op.cit.*, hal. 15.

diperjuangkan oleh UMNO agak secocok dengan fahaman sekularisme yang dibawa oleh mereka.<sup>93</sup>

Sistem pendidikan Barat telah berjaya melahirkan generasi muslim yang *Westernized* dan *Secularized* yang dididik untuk menyanjung tinggi nilai dan norma-norma sekular, liberal dan humanisme Barat serta melihat Islam sebagai agama yang terbatas skopnya dan hanya berhubung dengan urusan peribadi sahaja.<sup>94</sup>

Ruang lingkup agama Islam menjadi sempit dan terhad kepada ibadah dalam pengertian yang khusus sahaja seperti sembahyang, puasa dan haji. Bidang pemerintahan, ekonomi dan kemasyarakatan dianggap tidak termasuk ke dalam ruang lingkup Islam. Sekularisasi keperibadian Islam terutama golongan elitnya telah menjadi satu ciri umum yang amat ketara dalam negeri-negeri yang dijajah. Oleh itu berlakulah polarisasi antara dua golongan besar dalam masyarakat peribumi. Golongan atasan yang berpengaruh dan berorientasikan nilai-nilai kehidupan sekular dan golongan massa yang tidak mempunyai pengaruh serta berorientasikan nilai-nilai kehidupan tradisi dan Islam.<sup>95</sup>

Apabila Barat meninggalkan Tanah Melayu, mereka sebenarnya telah selesai melatih dan menyediakan orang-orang yang cukup setia kepada mereka demi mengekalkan nilai-nilai tamadun dan pemikiran Barat di sini. Meskipun dalam banyak keadaan perjuangan kemerdekaan dipelopori oleh golongan agama tetapi dengan kelicinan taktik dan strategi Barat, apabila kemerdekaan dicapai ia diserahkan kepada golongan yang dipersiapkan untuk menjadi bakal pemerintah itu tadi. Pemerintah-pemerintah Islam yang dididik oleh Barat ini akan sentiasa berpandukan nilai-nilai Barat dalam mengisi kemerdekaan ini.<sup>96</sup>

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Mohd Kamal Hassan, "Pemikiran Politik Islam", dalam Y. Mansoor Marican, (1982), *Dasar Ilmu Politik*, Kuala Lumpur: DBP, hal 120-121.

<sup>95</sup> *Ibid.*, hal. 121.

<sup>96</sup> Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, *op.cit.*, hal 18.

### 4.1.3 Pemodenan

Sekularisme juga dilihat sebagai satu gerakan intelektual. Ahli-ahli sosiologi Barat sering menyarankan kepada negara-negara membangun supaya menerima proses pembaratan (*westernization*) demi membangun dan memodenkan negara. Sesebuah masyarakat atau negara yang ingin maju mesti memenuhi satu pra syarat penting; mereka mesti menjadi sekular terlebih dahulu. Nilai keagamaan dilihat sebagai batu penghalang terpenting kepada kemajuan terutamanya kemajuan ekonomi.<sup>97</sup>

Setelah Perang Dunia ke-2 (1939-1945), negara-negara umat Islam yang dijajah memperoleh kemerdekaan. Seterusnya negara-negara ini mengalami perubahan di bawah pemerintahan anak bangsa sendiri yang kebanyakan daripada mereka terdidik dengan fahaman sekularisme Barat.<sup>98</sup>

Golongan ini memilih modenisasi untuk membangunkan kembali negara mereka yang miskin dan mundur. Maka aspek ekonomi menjadi fokus utama kerana kemiskinan adalah gejala yang paling menonjol ditinggalkan oleh penjajah. Modenisasi yang dijalankan turut merubah aspek sosio-budaya malah aspek agama kerana konsep modenisasi yang dipakai adalah menurut acuan dan nilai Barat yang berteraskan kepada sekularisme.<sup>99</sup>

Seperti negara-negara lain, Malaysia turut menerima proses modenisasi atau kemodenan. Kemodenan yang dibawa oleh Barat lebih mementingkan dimensi ekonomi yang amat berkait rapat dengan sistem kapitalis.<sup>100</sup>

<sup>97</sup>Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, *op.cit.*, hal. 16.

<sup>98</sup>Sidi Gazalba, Drs., (1983), *op.cit.*, hal. vi.

<sup>99</sup>*Ibid.*, hal. vii.

<sup>100</sup>Sistem kapitalis seperti disebut oleh pengagasnya Adam Smith (1723-1790), berteraskan prinsip kepentingan diri (*self-interest*).

Maka lahirlah sebilangan masyarakat baru moden yang terpengaruh dengan gaya hidup Barat yang amat mementingkan kebendaan dan berfikir materialistik. Oleh sebab itu sebarang inisiatif yang tidak mempunyai sebarang nilai komersil tidak diberi keutamaan malah akan ditolak terutama perkara-perkara agama seperti pelaksanaan undang-undang Islam secara syumul dan sebagainya.

Proses modenisasi juga mencakupi ruang politik (modenisasi politik). Ini bererti bahang sekularisme turut menular dengan cepat dalam sistem politik. Ini kerana pemodenan atau pembangunan politik itu sendiri bermakna sekularisasi politik iaitu penyingkiran nilai-nilai agama secara berdekrit-dikit daripada sistem politik.<sup>101</sup>

Dari sini boleh difahami bahawa di dalam negara yang mengamalkan sistem modenisasi ala Barat, proses sekularisasi akan sentiasa dipertingkatkan manakala inisiatif untuk meninggikan peranan agama semakin berkurangan. Ia juga bererti peningkatan penentangan dalam pelbagai bentuk terhadap gerakan Islam yang cuba meninggikan syiar agama.<sup>102</sup>

Dalam konteks Malaysia, usaha-usaha untuk meninggikan nilai-nilai agama daripada sistem politik agak ketara. Mutakhir ini gerakan Islam yang didokong oleh PAS semakin ditekan dan ulama-ulama menjadi mangsa kecaman. Ada di antara ulama ini disekat serta dihadkan ceramah mereka.<sup>103</sup> Sebaliknya pada masa yang sama sanjungan terhadap artis kian meningkat. Golongan ini diberi liputan dan publisiti meluas di dada-dada akhbar harian tempatan.

<sup>101</sup>Smith, D.E. (ed), (1974), *Religion and Modernization*, New Haven: Yale University Press, hal. 57.

<sup>102</sup>Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, *op.cit*, hal. 18.

<sup>103</sup>Suatu ketika dahulu, umat Islam dikejutkan dengan isu beberapa orang penceramah terkenal disekat dan dihadkan ceramah mereka. Sekatan ini disusuli dengan pelbagai alasan seperti anti-kerajaan termasuk juga dikatakan meminta bayaran tinggi. Kenyataan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abd. Hamid Othman mengesahkan isu 'meminta bayaran ini'. Namun ia dinafikan oleh beberapa orang penceramah yang dituduh terlibat seperti Prof. Dato' Dr. Harun Din, Ustaz Abdul Ghani Abdul Rahman dan Dato' Ismail Kamus dan menganggapnya sebagai alasan pihak tertentu untuk 'menutup mulut ulama'. Lihat: wawancara wartawan Tamadun, Suria Janib dengan Dato' Dr. Harun Din dalam *Tamadun*, Sept. 1996, Kuala Lumpur: Penerbitan Muttaqin, hal. 17, 18 dan 19.



Selain itu sudah kedapatan suara yang mempersoalkan sunnah kenabian, penutupan aurat dan hukum jenayah Islam yang dianggap tidak sesuai untuk dipraktikkan di tanahair pada masa kini.<sup>104</sup> Sementara itu hari Jumaat di kebanyakan negeri di Pantai Barat telah dijadikan hari bekerja pada masa yang sama hari Ahad dijadikan sebagai hari cuti umum.<sup>105</sup>

Kedengaran juga seruan untuk mengkaji semula tafsiran al-Qur'an untuk disesuaikan dengan perkembangan masa kini.<sup>106</sup> Akhirnya kelunakan sikap pihak pemerintah terhadap regim haram Israel semakin menimbulkan persoalan kepada sebilangan masyarakat Islam di Malaysia.<sup>107</sup>

<sup>104</sup> Pemimpin tertinggi UMNO pernah mengeluarkan ucapan-ucapan yang amat sensitif kepada umat Islam seperti ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung UMNO 1997 yang lalu. Beliau menyentuh tentang tujuan menutup aurat oleh orang-orang Arab sambil berkata: "*Tujuan menutup aurat ialah kerana di zaman Nabi, Arab Jahiliyah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada kabilah-kabilah yang lain...Terhadap orang yang menutup aurat ini membuang bayi, mendera dan membunuh anak, merogol dan melakukan berbagai-bagai jenayah seks tidak kita kaitkan dengan tujuan menutup aurat*". Dipetik daripada Abdullah Zaidi Hassan, (1998), *Pandangbalas Terhadap Pendapat Dr. Mahathir Muhammad Beserta Beberapa Apendik*, Kelantan: Sidrah, hal. 4-5.

Selepas itu, di dalam satu mesyuarat sulit dengan pemimpin-pemimpin UMNO, beliau menyentuh pemeliharaan janggut dan menganggap bahawa Nabi memelihara janggut kerana pada masa baginda tiada pisau *gillete*. Di dalam mesyuarat tersebut juga beliau menyatakan: "*Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan hukum hudud kerana keakuan dalam negara*". Perkara ini tersebar ke pengetahuan umum selepas perbincangan mesyuarat tersebut dirakam dengan *tape* secara sembunyi.

<sup>105</sup> Pada tahun 1994, kerajaan Johor dan Perlis telah mengubah cuti mingguan daripada Jumaat kepada Ahad sebagai menyertai kerajaan Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Sabah dan Sarawak. Lihat: *UMNO Pemusnah Insitansi Jumaat*, (1994), Kuala Lumpur: Dewan Pemuda PAS Pusat, hal. 7.

<sup>106</sup> Saranan ini pernah dikeluarkan oleh pemimpin utama negara pada suatu ketika dahulu. Sebenarnya saranan dan dorongan ke arah penafsiran semula beberapa ayat al-Qur'an sudah seringkali kedengaran termasuk oleh beberapa tokoh ulama. Namun seruan yang dinyatakan oleh pemimpin itu sedikit sebanyak telah menimbulkan kekusaran dan kegelisahan di dalam fikiran sebilangan masyarakat muslim Malaysia. Hal ini mungkin kerana mereka mencurigai tujuan sebenar di sebalik seruan itu, apatah lagi mereka sudah melihat beberapa tindakan pihak kerajaan seperti meminda hari cuti mingguan daripada Jumaat kepada Ahad di beberapa negeri, 'menggam' beberapa ulama dan sebagainya.

<sup>107</sup> Dalam bulan Mac 1997, kerajaan telah membawa masuk ke Malaysia sekumpulan pemuda Yahudi untuk menyertai pertandingan kriket sempena Kejohanan Trofi Persatuan Kriket Antarabangsa yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur. Tindakan kerajaan ini mengundang kemarahan orangramai sehingga tercetus siri demonstrasi di sekitar ibu kota. Kemuncaknya ialah demonstrasi pelajar dan orangramai selepas solat Jumaat, 4 April 1997 di hadapan pintu gerbang Universiti Malaya. Peristiwa ini berakhir dengan penangkapan seramai 250 orang, kebanyakannya adalah pemuda-pemuda Islam oleh pihak Polis.

Mungkin klimaks sekularisme di Malaysia pada mutakhir ini ialah sokongan pihak kerajaan kepada tiga ratu cantik Melayu Islam; Pahiyya Hanim Ahmad, Noni Mohammad dan Sharina Shaari yang ditahan oleh lima pegawai JAIS sewaktu menyertai Pertandingan Ratu Cantik (Miss Petite) di Classic Ballroom, Hotel Holiday Villa di Subang Jaya, Selangor pada 13 Jun 1997 yang lalu.<sup>108</sup>

Berikutan dengan peristiwa itu Mufti Selangor, Dato' Ishak Baharom yang mempertahankan tindakan pegawai-pegawai JAIS telah ditamatkan perkhidmatannya.<sup>109</sup> Akibatnya masyarakat terutama umat Islam di Malaysia menjadi gempar dan mula mempersoalkan rasional di sebalik tindakan pihak pemerintah itu.<sup>110</sup>

Demikianlah sebahagian gambaran peristiwa yang berlaku dalam tanahair pada mutakhir ini di mana nilai dan syiar agama semakin dipinggiri sementara proses westernisasi kian giat dilakukan. Pihak berkuasa dilihat lebih menumpukan perhatian kepada pembangunan negara terutama di dalam merealisasikan wawasan ke arah sebuah negara maju pada tahun 2020 (Wawasan 2020), pada masa yang sama aspek pembangunan kerohanian dan spiritual masyarakat dilihat agak ketinggalan.<sup>111</sup>

<sup>108</sup>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mewartakan larangan penglibatan wanita Islam di dalam sebarang pertandingan ratu cantik dan memperkenalkan kod berpakaian sopan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Lihat: *Massa*, 2 Ogos 1997, hal. 24.

<sup>109</sup>Sebelum daripada kejadian ini, kontrak Dato' Ishak Baharom baharu disambung semula iaitu mulai 16 Ogos 1997 dan sepatutnya berakhir pada 15 Ogos 1999. Lihat: *Tamadan*, April 1998, hal. 45.

<sup>110</sup>Sebaliknya Perdana Menteri Malaysia yang ketika itu sedang bercuti selama 2 bulan di Okoyama, Jepun ketika diwawancara oleh Wartawan Utusan, Khalid Mohd jelas tidak bersetuju dengan cara dan tindakan JAIS. Beliau berkata: "*Cara ini meninggalkan kesan buruk sampai ke bila-bila kepada pihak yang terlibat termasuk keluarga mereka. Orang-orang ini tidak faham apa yang dikehendaki oleh agama. Inilah masalahnya apabila kita memberi kuasa kepada orang-orang yang tidak tahu menggunakan kuasa.*" Lihat: Ahmad Lutfi Othman, (1997), *Mufti Lawan Mahathir*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda, hal. 96.

<sup>111</sup>Timbalan Menteri Dalam Negeri (pada masa itu), Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob pernah membuat pendedahan bahawa dalam satu kajian ke atas gadis-gadis remaja yang berumur di bawah 18 tahun didapati 18% daripada mereka berpengalaman mengadakan hubungan seks haram semenjak berusia bawah 16 tahun lagi. Malah ada yang terus menjadi pelacur. Paling malang, majoriti daripada mereka adalah gadis Melayu yang beragama Islam. Lihat: *Massa*, 3 Mei 1997, hal. 8.

Malah sebelum itu, pengerusi Majlis Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Datuk Drs. Suleiman Mohamad berkata gejala sosial membabitkan remaja khususnya gadis berumur di antara 14 hingga 20-an meningkat setiap hari. Sumber: *Muslimat*, Ogos 1993, Kuala Lumpur: Syarikat Muslimah, hal. 6.

Fenomena murtad dengan pembongkaran jilat dan kadar yang membimbangkan sekali lagi menggugat keprihatinan masyarakat Islam di Malaysia. Kisah kemurtadan Nur Aisyah Haji Bukhari, seorang gadis yang berasal dari Johor pada tahun 1997 yang lalu semakin mencelikkan mata masyarakat Islam bahawa perlembagaan yang ada pada waktu ini tidak mampu membendung dan menghalang gejala murtad daripada berlaku khususnya ke atas muda-mudi Islam tempatan<sup>112</sup>.

Inilah di antara episod tragis yang telah dan sedang berlaku di dalam masyarakat Islam di tanahair menjelang alaf baru. Apakah episod ini akan terus berlangsung tanpa ada sebarang sekatan, halangan atau tindakan berkesan daripada pihak yang berkuasa?

---

Di samping itu kegiatan gay turut bertapak di pusat-pusat hiburan di sekitar Kuala Lumpur. Kelab yang terlibat bukan sahaja menyediakan persembahan artis dengan gerak-geri lucu bahkan membenarkan hubungan seks bebas. Salah satu daripadanya terletak di Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang telah beroperasi semenjak 13 tahun lalu dan sering dikunjungi oleh wargakota. Sumber: *ibid*, hal. 7.

<sup>112</sup>Nur Aisyah dikatakan bercinta dan mahu berkahwin dengan seorang pemuda Kristian, Joseph Arnold Lee. Namun percintaan dan perkahwinan itu tidak dipersetujui oleh ayahnya, Haji Bukhari. Akhirnya dia menghilangkan diri daripada keluarga tanpa dapat dikesan sehingga kini setelah sebelum daripada itu berjaya diambil oleh ayahnya daripada Joseph. Peristiwa ini menarik perhatian masyarakat Islam di Malaysia kerana permohonan untuk memurtadkan Nur Aisyah adalah dilakukan menerusi undang-undang Malaysia melalui permohonan seorang peguam, Leonard Teoh. Lihat *Tamadan*, Mac 1998, hal. 7.